



UNTUK SIARAN SEGERA

**MIDF SERAH SUMBANGAN RAMADAN PADA KELUARGA ASNAF DAN IBU TUNGGAL
DI PONTIAN**

Pontian, Johor 16 Jun 2017 – Seramai 60 keluarga asnaf serta 40 ibu tunggal di Pontian, Johor telah menerima sumbangan sempena bulan Ramadan dari Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) pada hari ini.

Para penerima telah menerima sumbangan berupa barangan makanan daripada Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Haji Ahmad Haji Maslan.

Majlis penyerahan yang ringkas tersebut telah berlangsung di Masjid Jamek Pulau Sebatang, Pontian. MIDF diwakili oleh Ketua Pembangunan Kewangan, Encik Azizi Hj. Mustafa serta pegawai dari Cawangan Wilayah Selatan MIDF. Ini merupakan tahun kedua MIDF menganjurkan Program Sumbangan Ramadan di Pontian, Johor. Program penyerahan sumbangan Ramadan kepada golongan yang memerlukan ini turut akan dianjurkan di Jeli, Kelantan.

Antara inisiatif CSR anjuran MIDF sempena bulan Ramadan ini adalah penganjuran majlis berbuka puasa bersama 46 anak yatim dari Pusat Jagaan Siraman Kasih, Rawang. MIDF turut melaksanakan Program Amal di pusat jagaan tersebut seminggu sebelum bulan Ramadan. Program tersebut melibatkan penyertaan Warga MIDF dalam membaiki serta menceriakan Pusat Jagaan Siraman Kasih. Anak-anak dari pusat jagaan tersebut turut menerima duit Raya semasa majlis berbuka puasa bersama MIDF baru-baru ini.

MIDF yang merupakan institusi pembangunan kewangan yang pertama diberikan mandat untuk membantu syarikat-syarikat tempatan mengembangkan dan mempertingkatkan kapasiti perniagaan untuk berdaya saing melalui penawaran bantuan pinjaman dan pembiayaan di bawah skim-skim pinjaman mudah yang utama iaitu Skim Pinjaman Mudah bagi Automasi dan Modenisasi (SLSAM), Skim Pinjaman Mudah bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (SLSME), Skim Pinjaman Mudah bagi Pembangunan Kapasiti Perkhidmatan (SLSCD), Skim Pinjam Mudah bagi Sektor Perkhidmatan (SLSSS) dan Skim Pinjaman Mudah bagi Eksport Perkhidmatan (SLSSE). Sejumlah RM625 juta lagi skim-skim pinjaman tersebut dijangka akan diluluskan tahun ini.

MIDF yang telah menguruskan skim-skim pinjaman tersebut sejak tahun 2001, sehingga kini telah berjaya membantu 3,887 syarikat tempatan dengan jumlah kelulusan RM4.8 bilion setakat

31 Mei 2017. Sektor yang menerima manfaat daripada skim pinjaman mudah yang ditawarkan adalah pengeluar barangan pengangkutan, sektor perkhidmatan serta pengeluar makanan serta minuman.

MIDF bakal memberi fokus kepada sektor-sektor yang dipromosi oleh pihak Kerajaan seperti automotif, aeroangkasa, peralatan perubatan, elektrik dan eletronik serta petro-kimia.

Sejak ditubuhkan dalam tahun 1960, MIDF telah menyediakan bantuan kewangan kepada 10,453 syarikat tempatan dengan jumlah pinjaman yang diluluskan berjumlah RM13.7 bilion. Johor merupakan satu dari tiga negeri yang mencatatkan kelulusan pinjaman tertinggi dengan jumlah kelulusan pinjaman sebanyak RM2.0 bilion yang telah memberi manfaat kepada 1,231 syarikat di Johor.

#####

Mengenai MIDF

MIDF telah ditubuhkan lima puluh tujuh tahun yang lalu hasil daripada satu kajian oleh Bank Dunia. MIDF merupakan institusi kewangan pembangunan utama di negara ini bagi tujuan memangkinkan pembangunan dan pemodenan industri pembuatan negara.

Kumpulan MIDF telah berkembang menjadi entiti yang lebih kukuh dan lebih besar, menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Pembangunan Kewangan, Pengurusan Aset dan Pembiayaan Mezanin.

MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Anita Ramly
Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan
Jabatan Komunikasi Korporat
Tel: (03) 2173 8756
Faks: (03) 2173 8866
H/P: (019) 332 4809
E-mel: anita.ramly@midf.com.my
Laman Sesawang: www.midf.com.my